

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**BPT 481/4 - Prinsip Kawalan Penyakit Tumbuhan**

**Masa : [3 jam]**

---

**Jawab LIMA daripada ENAM soalan.**

**Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.**

---

1. Benih yang sihat amat penting dalam menentukan kejayaan sesuatu tanaman. Bincangkan latar belakang pernyataan ini dan terangkan cara memperolehi benih yang sihat.

(20 Markah)

2. Dengan menggunakan contoh fungisid yang terdapat di pasaran, bincangkan sejarah perkembangan dan masa depan fungisid sistemik secara global.

(20 Markah)

3. Kaedah berkultur memberikan kesan yang kecil dan secara kolektif terhadap pengawalan penyakit tumbuhan. Bincangkan pernyataan ini secara ringkas bermula dari pemilihan tanah yang "sihat" sehingga ke peringkat menuai yang sesuai.

(20 Markah)

4. Bincangkan latar belakang dan kegunaan konsep Pengurusan Perosak Bersepadu (IPM) dalam pengawalan penyakit tumbuhan.

(20 Markah)

5. Tuliskan nota tentang DUA daripada tajuk-tajuk yang berikut:

- a) Pengawalan biologi di filoplan
- b) Pengawalan biologi berdasarkan genetik penyakit virus
- c) Strategi-strategi menggunakan varieti rintang untuk pengawalan penyakit

(20 Markah)

6. Bincangkan mekanisme pasif serta aktif yang terlibat dalam penghalangan serangan patogen pada tumbuhan.

(20 Markah)